



SCHOOL OF COMPUTING

FACULTY OF ENGINEERING

SEMESTER II 2020/2021

UHMS1182 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

SEKSYEN 40

TAJUK : KEPENTINGAN AKHLAK DALAM HUBUNGAN SOSIAL

KUMPULAN 2

NO	NAMA (IKUT ABJAD)	NO. MATRIK
1	ALVIN HEE JUN SHEUNG	A19EC0015
2	AZRIANA BINTI ZAINAL ABIDIN	A19EC0027
3	NOR HAFIYZHA BINTI MD HUSNI	A19EC0124
4	NUR ALEEYA SYAKILA BINTI MUHAMAD SUBIAN	A19EC0127
5	NUR HADIRAH MUNAWARAH BINTI ROZMIZAN	A19EC0201
6	RASMIN KAUR SANDHU	A19ET0216

PENSYARAH : PROF. DR. HASHIM FAUZY YAACOB

TARIKH PENYERAHAN : 19/06/2021

ISI KANDUNGAN

1.0 PENGENALAN	3
2.0 KONSEP DAN DEFINISI	4
3.0 KAJIAN LITERATUR	6
3.1 Abstrak	6
3.2 Kajian-Kajian Lepas	8
3.3 Kepentingan Akhlak dalam Hubungan Sosial	10
3.3.1 Melahirkan Umat Bertamadun dan Dihormati	10
3.3.2 Melahirkan Masyarakat yang Harmonis	10
3.3.3 Membina Keluarga yang Sejahtera	10
3.3.4 Mengelakkan Diri daripada Melakukan Perkara Maksiat	11
4.0 METODOLOGI KAJIAN	12
4.1 Kajian Kes	12
4.2 Kaedah Dokumentasi	12
5.0 KES	13
5.1 Kes 1	13
5.2 Kes 2	16
5.3 Kes 3	20
6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN	22
6.1 PERBINCANGAN	22
6.2 CADANGAN	23
RUJUKAN	25

1.0 PENGENALAN

Akhlak boleh ditafsirkan sebagai budi pekerti dan sifat-sifat mulia. Setiap orang hendaklah mempunyai akhlak atau sifat-sifat yang baik dan mulia kerana dengan mempunyai budi pekerti tersebut manusia akan dapat hidup dengan aman dan bahagia dan sudah semestinya kebahagiaan perlu dimiliki oleh semua orang kerana keadaan itu adalah fitrah manusia itu sendiri. Rangkaian diantara iman, ilmu, akhlak dan amal mestilah ada pada semua manusia kerana keempat-empat perkara tersebut saling berkaitan di antara satu sama lain.

Akhlak merupakan salah satu ajaran asas agama Islam sehingga Rasulullah s.a.w. pernah mendefinisikan agama itu dengan akhlak yang baik. Hal ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Diriwayatkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah, "Ya Rasulullah, apakah agama itu?" Beliau menjawab: "Agama adalah akhlak yang baik." (Riwayat Bukhari). Begitu juga apabila kita meneliti melalui sebuah hadis, Rasulullah s.a.w. menjadikan baik buruknya akhlak seseorang sebagai ukuran kualiti keimanannya: "Orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah yang paling baik akhlaknya." (Riwayat Tirmidzi).

Peranan akhlak dalam menentukan sahsiah seseorang tidak boleh dinafikan lagi kepentingannya. Proses pembentukannya adalah selaras dengan perkembangan jiwa seseorang itu. Untuk membentuk akhlak yang baik memang sukar tetapi setiap Muslim itu mestilah berusaha ke arah membentuk kesempurnaan akhlak seperti yang dituntut oleh agama Islam

Dalam kajian tersebut, kita akan membincangkan konsep konsep dan definisi akhlak dari beberapa segi dan menjelaskan betapa penting akhlak dalam hubungan sosial melalui beberapa kajian kes.

2.0 KONSEP DAN DEFINISI

Akhlak dapat didefinisikan sebagai perangai, perilaku, watak atau perangai seseorang. Akhlak berasal daripada kata al-akhlaqu iaitu kata jama' daripada perkataan al-khuluq yang bermaksud kelakuan atau tingkah-laku, ia juga bererti agama itu sendiri. Di dalam al-Quran terdapat hanya dua perkataan al-khuluq. Akhlak memberi pengertian suatu ilmu yang baik dan buruk. Ia juga menerangkan tujuan yang harus dibuat oleh manusia dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus dibuat oleh seseorang. Menurut Prof. Omar Al Toumy Al Syaibani, akhlak adalah sebagai ilmu yang mengkaji tentang hakikat perbuatan berakhlak, sifat kebaikan, kejahatan, kebenaran, kewajipan, kebahagiaan, hukum dan tanggungjawab akhlak, motif kelakuan dan asas-asas teori gagasan akhlak. Namun menurut ahli falsafah Islam, Ibnu Miskawayh mendefinisikan akhlak sebagai jiwa yang menggerakkan seseorang untuk melakukan atau perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran.

Dari segi istilah, akhlak membawa pengertian satu ilmu yang menjelaskan erti baik dan buruk, menerangkan apa yang seharusnya dilakukan oleh setengah manusia kepada yang lainnya, menyatakan tujuan yang harus dituju oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus diperbuat. Menurut Prof. Omar Al Toumy Al Syaibani, akhlak adalah sebagai ilmu yang mengkaji tentang hakikat perbuatan berakhlak, sifat kebaikan, kejahatan, kebenaran, kewajipan, kebahagiaan, hukum dan tanggungjawab akhlak, motif kelakuan dan asas-asas teori gagasan akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua bentuk iaitu akhlak mahmudah dan madzmumah. Akhlak mahmudah bererti akhlak yang baik seperti beribadah kepada Allah s.w.t, mencintai-Nya dan mencintai makhluknya dan berbuat baik serta menjauhkan diri daripada perbuatan-perbuatan yang dibenci dan dilarang oleh Allah s.w.t. Manakala akhlak mazmumah bererti segala bentuk perbuatan manusia yang dapat mendatangkan kemudharatan bagi diri sendiri dan orang lain, serta dapat membahayakan iman dan mendatangkan dosa. Membuat segala kebaikan dengan niat yang ikhlas, berbakti kepada kedua ibu bapa dan selainnya.

Di dalam akhlak Islam, kebaikan dapat diertikan sebagai setiap sesuatu atau setiap gerak laku yang mendatangkan manfaat atau kegunaan kepada manusia dan tidak bertentangan dengan nilai agama. Di sebaliknya, keburukan merujuk kepada gerak laku yang mengakibatkan kecelakaan dan bertentangan dengan nilai agama. Agama Islam sentiasa menyeru ke arah kebaikan dikatakan orang yang taat, manakala orang yang melakukan keburukan dan kemaksiatan dikatakan ingkar dengan perintah Allah. “Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu, teladan (ikutan) yang baik. (al-Azhab:21)”. Inilah garis panduan bagi akhlak muslim yang terdapat di dalam al-Quran. Contoh teladan akhlak al-quran dapat dilihat dalam diri Rasulullah. Rasulullah sendiri menegaskan bahawa pengutusan baginda kepada umat Islam membawa misi untuk menyempurnakan akhlak.

Abd. Rahman Aroff (1986) berpendapat bahawa dasar akhlak Islam adalah iman. Rukun iman atau kepercayaan dalam islam terdiri daripada enam perkara. Dua daripada ruku tersebut iaitu kepercayaan kepada Allah dan Nabi. Akan tetapi, Islam mempunyai satu lagi aspek yang perlu dititikberatkan iaitu amalan atau praktis. Aspek praktis ini ditentukan oleh Allah selaras dengan rukun Iman yang disebutkan di atas dan terkandung dalam rukun islam. Dengan pendapat di atas, Al-Maududi (1982) juga mempunyai pendapat yang sama dalam hal ini. Beliau menjelaskan bahawa syariah misalnya menetapkan arahan bagi peraturan hidup perseorangan beserta hidup bermasyarakat. Arahan yang dititikberatkan pelbagai perkara seperti budi pekerti, perhubungan kekeluargaan.

Manusia dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan ini dengan hati, jiwa dan perbuatan mereka. Dalam akhlak islam juga, punca-punca pengetahuan tentang nilai-nilai moral adalah bersumberkan al-Quran dan Hadis rasulullah.

3.0 KAJIAN LITERATUR

3.1 Abstrak

Bahagian ini akan menerangkan kajian secara literatur berkaitan kepentingan akhlak dalam hubungan sosial. Tujuan bagi kajian literatur dijalankan adalah bagi meningkatkan lagi pemahaman tentang kajian yang bakal dijalankan kelak. Rujukan yang disediakan adalah berdasarkan sumber daripada buku, jurnal, buku-buku panduan dan lain-lain sumber bacaan. Maklumat-maklumat terkini juga diperoleh berdasarkan sumber internet melalui laman web yang sah.

Kefahaman tentang sesuatu konsep dan minat adalah sangat penting dalam sesuatu pembelajaran. Begitu juga dalam konteks pembangunan ekonomi dan politik di dalam sesebuah negara, pembinaan akhlak dalam bentuk pembangunan manusia yang seimbang dan bersepadu menjamin kecemerlangan negara secara berterusan. Dalam konteks sosial pula, akhlak merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan di dalam masyarakat tersebut. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan saja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu dalam masyarakat (Najati, 1993), malah turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat (Malek Bennabi, 1998).

Bagi menguatkan pernyataan di atas, dipetik daripada Aisyah r.a yang memperakui bahawa akhlak baginda Rasulullah SAW adalah Al-Quran yang membuktikan bahawa akhlak dari perspektif Islam dasarnya adalah berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Membawa kepada skop pembelajaran yang luas di mana ia mencakupi setiap amalan zahir dan batin serta tingkah laku zahir manusia, secara tidak langsung ia berkaitan dengan balasan pahala dan dosa di dunia dan balasan syurga dan neraka di akhirat kelak. Menurut Ab. Halim dan Zarin (2002), mereka merumuskan bahawa akhlak ialah satu set kepercayaan, undang-undang, dan sistem yang berkait rapat dengan tingkah laku dan tindakan seorang manusia bagi menentukan perkara yang baik atau buruk, dan betul atau salah melalui konteks ketauhidan manusia kepada Allah S.W.T.

Membawa kepada konsep dimana manusia diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang paling mulia di muka bumi. Manusia diciptakan sebagai makhluk sosial atau makhluk yang tidak mampu hidup sendiri. Dalam kehidupan seseorang manusia itu sewajarnya saling membantu dan saling melengkapi kebutuhannya. Oleh yang demikian kerana, proses interaksi antara sesama manusia tidak akan terhindar, justeru itu pentingnya akhlak dalam hubungan sosial dalam kalangan manusia bagi mengekalkan kesejahteraan masyarakat dan juga negara. Berakhlak dalam hubungan sosial juga ada disebut didalam Al-Quran iaitu Surah Luqman ayat 18 dan 19 yang bermaksud “*Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.*” - 31:18 dan “*Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.*” - 31:19. Berdasarkan tafsir diatas, dapat kita simpulkan bahawa Allah melarang kita memalingkan muka atau ‘buat muka’ seperti mencemik kepada manusia kerana tindakan itu adalah tanda-tanda sombong, apatah lagi jika bercakap dengan nada sombong. Kita juga dilarang berjalan dengan cara yang berlagak atau angkuh. Ketika menafsirkan ayat ini, Hamka juga ada menyatakan ini adalah termasuk budi pekerti, sopan santun dan akhlak yang tinggi. Ketika bercakap secara berhadapan dengan seseorang, kita hendaklah menghadapkan muka kepadanya dan mendengar dengan baik.

3.2 Kajian-Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan oleh Nuratikah (2019) telah mengupas pendidikan akhlak dalam interaksi sosial dengan selain mahram dimana beliau menekankan tentang syarat dan tatacara yang betul dalam berinteraksi sosial. Melalui kajian beliau dapat kita lihat bahawa interaksi sosial adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan walau dimana jua kita berada.. Hal ini kerana, interaksi adalah sebuah hubungan antara individu dengan individu yang lain , maka demikian seseorang tidak akan terlepas dari berkomunikasi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Maka dalam Islam telah diajarkan bagaimana berinteraksi yang baik dan sopan. Terutama ketika berinteraksi langsung, sebagai mukmin harus memperhatikan dari segi berpakaian, ucapan yang dikeluarkan dan sebagainya. Namun Allah SWT berfirman dalam An-Nur ayat 30-31 yang memerintahkan agar manusia memiliki batasan-batasan yang perlu diperhatikan dalam berinteraksi, seperti contoh, menahan pandangan, menjaga kehormatan diri, dan tidak menampakkan perhiasan yang tidak perlu ditampakkan.

Antara saranan yang diberikan oleh beliau adalah, hendaklah kita sebagai muslim tidak melanggar syariat dan sentiasa berakhlak dalam berinteraksi sosial sama ada individu yang dikenali atau tidak. Dan bagi mengelakkan berlaku kesalahfahaman antara satu sama lain, hendaklah kita menjaga tatacara dan juga bahasa yang dikeluarkan semasa berinteraksi agar tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan. Selain itu, beliau juga menekankan bahawa pendidikan akhlak sewajarnya tidak hanya dijadikan sebagai wacana, akan tetapi mesti diaplikasikan secara nyata agar terwujud masyarakat yang beriman, bertakwa, berakhlak mulia serta dapat menjunjung tinggi nama bangsa.

Namun berbeza dengan pendapat oleh Hasbullah Mat Daud (2020), yang merupakan salah seorang penulis journal bertajuk "*Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*". Penulis mengemukakan rujukan bahawa dalam Islam, kehidupan beragama dikaitkan dengan amalan kerohanian yang memberi pengaruh besar terhadap pembentukan personaliti dan tingkah laku manusia (Md Noor 2012). Penulis berpendapat bahawa pembentukan keperibadian seseorang turut dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh persekitaran kehidupan manusia. Manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia

berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dirinya akan cenderung menjadi baik. Jika dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang mendorongnya ke arah kejahatan, maka dirinya akan terpengaruh untuk berakhlak buruk. Namun, tidaklah semestinya seseorang itu terpengaruh mengikut keadaan persekitaran. Hal ini demikian kerana, akhlak dapat dibentuk melalui pembelajaran dan ia bukan secara natural. Oleh yang demikian, seseorang itu pasti sentiasa memupuk akhlak di dalam dirinya walau hidup di persekitaran yang kurang memuaskan. Walaupun begitu, pendapat penulis tersebut diperutuhkan lagi dengan menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah menjelaskan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menyatakan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul. Ini kerana dalam kehidupan sehariannya akan memberi kesan terhadap keperibadiannya. Tuntasnya, akhlak semasa berhubungan sosial amatlah penting bagi melahirkan suasana pergaulan yang harmonis dan dapat dijadikan contoh teladan kepada generasi akan datang.

3.3 Kepentingan Akhlak dalam Hubungan Sosial

Berdasarkan topik yang diberikan, dimulakan dengan satu petikan yang menyatakan teguhnya suatu umat itu adalah kerana akhlaknya, sekiranya hilang akhlaknya, maka hilanglah umat tersebut. Petikan ini sedikit sebanyak menunjukkan betapa pentingnya pembangunan akhlak dalam diri masyarakat terutamanya dalam hubungan sosial. Berikut adalah kepentingan akhlak dalam hubungan sosial:

3.3.1 Melahirkan Umat Bertamadun dan Dihormati

Berdasarkan kepentingan di atas, memetik kepada sirah Rasulullah SAW dimana akhlak terpuji yang dipamerkan oleh baginda dapat menarik hati masyarakat zaman dahulu untuk memeluk Islam dan mempercayai baginda sepenuhnya sehingga mendapat gelaran Al-Amin (Yang Benar). Oleh yang demikian, dapat kita simpulkan bahawa, dengan adanya akhlak dalam diri seseorang itu, ia mampu mewujudkan sebuah tamadun yang mampu bertahan lama serta dicontohi.

3.3.2 Melahirkan Masyarakat yang Harmonis

Pada umumnya peranan akhlak yang baik dalam membangunkan masyarakat yang bertamadun ialah misalnya dari aspek adab dan akhlak dalam menjalankan tugas. Islam telah menggariskan panduan dan peraturan yang boleh dijadikan bahan rujuk kepada manusia (Cikgu Nua, 2015). Maka dengan itu, dapat diutuhkan lagi bahawa berakhlak dalam hubungan sosial amatlah penting demi menjaga keharmonian dalam masyarakat setempat.

3.3.3 Membina Keluarga yang Sejahtera

Bagi aspek ini, dapat dilihat bahawa kenakalan kanak-aknak pada zaman kini berpunca daripada kekurangan akhlak sejak kecil. Hal ini demikian kerana, contoh buruk yang diberikan kepada anak-anak seperti berkata kesat dan juga menyakiti mereka dari segi fizikal. Selain itu, kurang penerapan akhlak dalam diri kanak-kanak oleh ibu bapa. Sebaliknya, kanak-kanak yang berprestasi, sopan santun dan berhasil mencapai cita-cita mereka adalah kerana manfaat dari akhlak

yang mulia dan luhur budi pekertinya. Oleh yang demikian, struktur keluarga yang sejahtera dan bahagia zahir dan batin dapat dibina.

3.3.4 Mengelakkan Diri daripada Melakukan Perkara Maksiat

Maksiat yang semakin berleluasa pada zaman kini adalah disebabkan tiadanya akhlak dalam diri seseorang semasa berhubungan sosial. Dimana pembelajaran akhlak mengajar tatacara untuk bersosial sesama manusia terutamanya kepada yang bukan mahram iaitu batas pergaulan daripada kedua-dua belah pihak. Kenyataan tersebut dapat dibuktikan dengan petikan ayat Al-Quran dalam surah An-Nur yang ada menyebut pendidikan akhlak berupa batasan-batasan dalam hubungan sosial kepada selain mahram mahupun dengan mahram sekalipun. Tuntasnya, jelas bahawa akhlak dalam hubungan sosial adalah penting.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah untuk menentukan kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan. Kajian adalah sistem teratur yang dirancang oleh pengarang Selesaikan masalah pembelajaran. Kaedah yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan ini adalah kaedah bukan eksperimen, yang merupakan kaedah yang diperlukan untuk menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif.

4.1 Kajian Kes

Kajian kes adalah kaedah pengumpulan data. Penyelidik dapat pergi jauh ke lapangan dan memahami keadaan sebenar melalui pemerhatian, temu bual dan kaedah lain. Itu bergantung pada tempat belajar. Sebagai hasil kajian, data yang diperoleh akan dikumpulkan dan pernyataan akan dibentuk (L. Baker, 1999). Kajian kes dapat membantu penyelidik mendapatkan maklumat yang tepat mengenai apa yang berlaku dan alasan tindakannya. Dalam kajian ini penulis cuba untuk mendapatkan maklumat berkaitan kepentingan akhlak dalam hubungan sosial. Maklumat yang didapati melalui kajian kes pula adalah bersifat semasa dan sesuai untuk digunakan bagi menghuraikan topik kajian iaitu tentang kepentingan akhlak dalam hubungan sosial. Kajian kes adalah berbeza daripada kajian-kajian lain dan mempunyai kaedah-kaedah tertentu dalam mendapatkan maklumat dan menganalisis data.

4.2 Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini adalah kaedah mengumpulkan data dengan mengkaji dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji dengan teliti. Dokumen ini tidak terhad kepada buku, tetapi juga dapat mengambil banyak bentuk, seperti penulisan, ucapan, visual (gambar) atau artifak (B. Merriam, 2002). Kaedah ini sangat berguna untuk memahami fakta yang berkaitan dengan konsep etika profesional (termasuk etika profesional Barat dan Islam), terutama fakta yang berkaitan dengan pengurusan organisasi. Kerajaan atau swasta. Untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumat, beberapa buku dan blogspot telah digunakan sebagai sumber rujukan.

5.0 KES

5.1 Kes 1

Apabila dilihat secara terperinci, sebenarnya terdapat banyak contoh yang amat mementingkan akhlak dalam hubungan manusia di negara kita. Hal ini kerana di Malaysia, terdapat 19.5 juta manusia yang berpegang agama Islam. Oleh itu, kebanyakan daripada mereka mengamalkan amalan Rasulullah seperti pemurah iaitu memberi sedekah kepada orang yang memerlukan. Hal ini akan dapat memberikan manfaat kepada orang di sekeliling kita. Pemurah bermaksud orang yang memanfaatkan dirinya untuk manfaat orang lain ke arah kebaikan. Apabila kita banyak memberikan manfaat kepada orang, kita akan menjadi bahagia, hati menjadi lebih tenang apabila kita melihat orang lain menjadi senang. Selain itu, berkasih sayang sesama manusia juga merupakan salah satu contoh akhlak Rasulullah yang menjadi teladan kepada umat Islam di Malaysia. Penyayang, bermaksud sayang akan diri sendiri, sayang sesama manusia dan sayang kepada semua makhluk Allah yang mengharapkan dan memohon kasih sayang kita. Baginda akan menziarahi ke rumah sahabat tersebut tanpa rasa sombong. Hal ini dapat diaplikasikan dengan rakyat Malaysia mempunyai pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India sering menziarahi sesama jiran sekiranya mempunyai perayaan. Mereka boleh bertukar-tukar makanan tradisi mereka yang mampu mengeratkan hubungan sesama sendiri. Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak, seperti sabda Baginda bermaksud: "Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia.". Oleh itu, banyak umat Islam di Malaysia mengikuti jejak Rasulullah dan mengamalkan sifat akhlak mulia ini.

Dengan itu, antara contoh aplikasi akhlak dalam kehidupan ialah dua sahabat muda, Ahmad Fadzil Mohamad, 48, dan Fadzil Nusi, 34 telah menghadiahkan pakaian terpakai kepada orang yang memerlukan pada karnival bazar Aidilfitri pada baru baru baru ini. Tinjauan Kosmo! mendapati, rata-rata pengunjung yang hadir mengambil peluang untuk mengambil lima helai pakaian dewasa dan kanak-kanak sebagai persalinan untuk digayakan pada Hari Raya Aidilfitri nanti. Ahmad Fadzil memberitahu bahawa pakaian bundle itu diperolehi daripada pengusaha gudang pakaian terpakai di Kulim, Kedah. Disini, kita dapat lihat bahawa contoh ini dapat menjadi instrumen dakwah yang berkesan bagi menyebarkan keindahan Islam kepada

masyarakat. Hal ini kerana melalui akhlak yang cantik seperti memberi sedekah mampu menarik perhatian orang yang melihat. Terutamanya mampu menarik minat kepada orang bukan islam yang sedang berada di karnival tersebut untuk mendekati islam dengan mudah. Ini juga merupakan contoh akhlak Rasulullah yang indah sehingga membuatkan ramai manusia yang terpujau dan terpengaruh dengan kepribadian unggulnya. Akhir sekali, sifat akhlak yang baik bukan mampu sahaja memujuk seseorang menjadi lebih baik, malah mampu menarik orang sekeliling untuk mengikut sifat mulia ini.



Rajah 1 : Keratan Akhbar tentang kes 2 sahabat muda memberi sedekah yang bertarikh 5 Mei 2021

5.2 Kes 2

Antara contoh isu yang **tidak mementingkan akhlak** di dalam kehidupan seharian adalah isu buli. Sehingga ke hari ini, kes buli masih sering berlaku di sekolah dan institusi terutamanya Sekolah Menengah dan Universiti. Buli merujuk kepada perbuatan mengasari mereka yang lemah dengan tujuan atau niat untuk menunjukkan kekuatan seseorang. Ini secara tidak langsung menjadikan mereka yang lemah, taat atau menghormati mereka yang kuat. Secara amnya, buli adalah tingkah laku buruk yang boleh menyebabkan orang lain menderita dan boleh membuat orang lain merasa tidak selesa. Pembuli yang terdiri dari kalangan pelajar kebanyakannya adalah mereka yang mempunyai latar belakang keluarga bermasalah serta kekurangan kasih sayang dan perhatian. Ibu bapa yang suka bergaduh dihadapan anak mereka serta mendera anak mereka juga merupakan puncanya tercetus sifat memberontak dalam diri anak mereka lalu akan membawa kepada sifat membuli apabila dibiarkan. Hal buli ini semestinya berkait rapat dengan ajaran akhlak dan etika yang tidak dipentingkan dalam sesuatu rumahtangga tersebut serta atas faktor-faktor yang lain.

Menurut Astro Awani yang bertarikh 15 Jun 2017, seorang mangsa buli bernama T. Nhaveen telah meninggal dunia akibat dibuli dan dipukul oleh sekumpulan lelaki di Jalan Kaki Bukit, Gelugor.

Empat remaja didakwa bunuh T. Nhaveen

CHAMPAK BANGKALU, SARAWAK

9 JUN (BERNAMA) — Empat remaja lelaki didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Keempat-empat remaja lelaki didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei. Mereka didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei. Mereka didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Empat remaja lelaki didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei. Mereka didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Empat remaja lelaki didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei. Mereka didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.



Empat remaja lelaki didakwa mengasari dan membunuh mangsa buli, T. Nhaveen, 18, di Chempak Bangkalu, Sarawak, pada 15 Mei.

Rajah 2 : Keratan Akhbar tentang kes T.Nhaveen yang bertarikh 20 Jun 2017

Terdapat juga kisah paling tragis di mana seorang pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Zulfarhan Osman Zulkarnain dibuli dan di seksa oleh 20 rakannya sehingga menyebabkan kematian pada sekitar Mei 2017.



Rajah 3 : Keratan Akhbar Metro tentang Kes Zulfarhan yang disiarkan pada 14 Mei 2018

Kisahnyanya adalah mangsa dituduh mencuri komputer riba seorang rakannya lalu pembuli-pembuli memutuskan untuk mendapat pengakuan dari beliau dengan menggunakan kekerasan. Pembuli-pembuli tersebut menggunakan seterika wap, tali pinggang, getah paip dan penyangkut baju sebagai alat untuk menyiksa mangsa sehingga menyebabkan kecederaan parah pada mangsa lalu menyebabkan kematian. Di sini kita dapat melihat bagaimana akhlak yang tidak dijaga dengan baik akan dicerminkan melalui tingkah laku keji seperti ini. Sedihnya melihat mangsa buli yang tidak bersalah, mati akibat individu-individu yang terlalu taksab untuk menunjuk kehebatan sendiri lalu mengabaikan akhlak-akhlak yang sepatutnya diterapkan dalam diri itu.

Firman Allah S.W.T:

وَوَضِعَ الْكِتَابَ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يُؤْتِنَا مَالٌ هَذَا الْكِتَابُ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَوَجَدُوا مَا عَمِلُوا خَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا

Maksudnya: Dan diletakkan kitab (buku amalan), maka kau dapat melihat golongan yang melakukan dosa-dosa berasa takut terhadap apa yang terdapat di dalamnya. Dan mereka berkata: “Alangkah celakanya kami ini, kitab apakah ini yang tidak terlepas dosa kecil dan dosa besar melainkan kesemuanya tercatat !”, mereka mendapati apa yang telah mereka kerjakan sebelum ini dan Tuhan kamu tidak pernah menzalimi seseorang pun. [Surah al-Kahf (49)]

Selain daripada isu buli, isu **kelas atas talian** juga mendapat perhatian sejak kebelakangan ini. Pada zaman penyebaran virus corona yang telah bermula pada akhir tahun 2019, kini seluruh dunia terjejas dari segi ekonomi serta norma kehidupan seharian termasuk negara kita iaitu Malaysia. Di dalam norma baharu, kelas diadakan secara atas talian supaya dapat memberhentikan penularan wabak virus corona ataupun nama lain baginya adalah covid-19. Apabila kelas diadakan secara atas talian, maka akan terdapat segelintir pelajar yang lebih cenderung untuk tidak memberi kerjasama dalam menjayakan kelas atas talian seperti tidak menyahut seruan guru mereka, tidak memberi perhatian di dalam kelas dan lain-lain. Tetapi, perkara yang paling menyedihkan, apabila guru membuat kelas, tetapi tiada siapa yang hadir ke kelas tersebut walaupun hakikatnya kelas itu adalah atas talian. Perkara seperti ini nampak seperti perkara yang remeh, namun ia jelas menunjukkan bahwa pelajar-pelajar itu tidak mempunyai adab dan tidak mementingkan akhlak dalam kehidupan seharian mereka.

Seperti terdapat suatu kisah yang viral, Encik Mustakim Bajoori, 54, yang merupakan guru di sebuah sekolah menengah di Kuala Selangor dan telah mengajar selama 32 tahun. Pada bulan November 2020, Encik Mustakim telah membuat kelas atas talian dan setia menantikan anak-anak muridnya. Namun sehingga ke akhirnya, tiada siapa yang hadir ke kelasnya. Anak beliau, Nur Nuha cuba menceriakan harinya dengan menghadiri kelas tersebut bersama ayahnya. Di dalam laman Twitter, Nur Nuha juga menceritakan tentang kejadian seperti ini iaitu murid tidak menghadiri kelas bapanya telah bermula sejak dari awal penularan covid-19 lagi. Bapanya selalu menanti-nantikan dengan penuh harapan bahwa anak muridnya akan turut hadir bagi melengkapkan “syllabus”. Namun, alasan yang selalu diterimanya ialah pelajar nya sibuk bekerja.



Rajah 4 : Keratan Rencana dari laman Kisah Dunia

Sepatutnya para pelajar hendaklah menghormati guru mereka dengan memberi kerjasama dalam menyempurnakan “syllabus” bagi mendapat berkat di dunia dan akhirat. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: *“Bukanlah di kalangan umatku mereka tidak memuliakan orang yang lebih tua, mereka yang tidak menyayangi anak kecil dan mereka yang tidak memberikan hak kepada guru kami.”* Hadis Riwayat Imam Ahmad. Perhatikan hadis ini bagaimana Rasulullah SAW mendidik sahabat supaya saling menghormati di kalangan orang tua dan muda bahkan wajib memberikan penghormatan pada guru.

5.3 Kes 3



Rajah 5 : Keratan akhbar Berita Harian mengenai penggunaan gajet

Seperti yang kita sedia maklum, pembangunan teknologi di Malaysia kian pesat hari demi hari dimana pelbagai syarikat pengeluaran telefon bimbit baik dari dalam dan luar negara semakin pesat mengeluarkan pelbagai jenis produk baharu. Oleh yang demikian, penggunaan telefon bimbit tidak dinafikan menjadi medium penting bagi komunikasi, khususnya pada masa kini ia bukan lagi menjadi kayu ukur kemewahan, tetapi keperluan. Namun adakah perkara sebegini akan memudaratkan hubungan sosial dalam kalangan manusia sejagat? Sejajar dengan perkembangan teknologi dan evolusi gajet elektronik itu dari masa ke masa, ia turut mempengaruhi kaedah interaksi antara rakyat Malaysia serta mengubah peranan telefon bimbit di negara ini. Hal ini membawa kepada **kebergantungan rakyat Malaysia terhadap gajet mula menampakkan kesan negatif** apabila sesetengah masyarakat atau individu mula mengabaikan interaksi secara bersemuka walaupun berada dalam ruang yang sama. Contoh yang paling berkesan dapat kita lihat melalui musim perayaan, dimana sanak saudara kian sibuk menggunakan gajet masing-masing daripada berinteraksi secara sihat. Perkara sebegini juga disebabkan kepada keruntuhan akhlak masyarakat pada zaman kini yang boleh kita lihat berdasarkan kaedah interaksi di sosial media. Dimana terdapat pelbagai unsur-unsur tidak bermoral seperti buli siber, memuat naik kata-kata kesat di sosial media dan terjadinya interaksi yang tidak sihat sesama masyarakat. Sesungguhnya perkara sebegini tidak sewajarnya berlaku, Allah SWT juga berfirman di dalam surah An-Nahl ayat 125 yang bermaksud “*Serulah ke jalan*

Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dia-lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”. Tuntasnya, jelas sekali kepentingan akhlak dalam hubungan sosial agar perkara-perkara tersebut dapat dielakkan daripada berlaku secara berterusan.

6.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

6.1 Perbincangan

Hari ini, kita menyaksikan akhlak sesetengah orang dalam masyarakat yang semakin merosot dari segi pendidikan identiti. Kita juga dapat melihat bahawa sifat kejujuran dan kepercayaan semakin terpinggirkan, yang membawa kepada kejahatan seperti penipuan, rasuah, dan penyalahgunaan kuasa. Media meliput laporan berita mengenai kemerosotan moral dari remaja hingga dewasa. Ini adalah hasil dari kemerosotan moral dan akhlak walaupun jiwa manusia mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, tetapi belum mendapat pendidikan moral. Tanpa mengira jantina, buli dapat dinyatakan dalam pelbagai bentuk dan cara. Para sarjana mempunyai definisi buli yang berbeza. Definisi buli bergantung kepada budaya sosial. Mungkin tingkah laku disebut tingkah laku buli oleh satu komuniti, tetapi bukan tingkah laku buli untuk komuniti lain. Kisah tragis yang dibincangkan dalam kes 2 menekankan kepentingan akhlak dalam kehidupan seseorang. Impian Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang holistik akan terkubur sekiranya gejala gengsterisme semakin berleluasa dalam kalangan remaja yang rata-ratanya merupakan pelajar institut. Selain itu, seorang pelajar haruslah menghormati guru dengan menghadiri kelas mereka. Malaysia merupakan salah satu negara yang paling menghormati guru. Akhir sekali, penggunaan media sosial kini sudah menjadi keutamaan bagi masyarakat kita dan hampir pasti, setiap orang akan memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media itu. Kita perlu bijak mengenal pasti benda baik dan buruk dalam media sosial dan pikirkan dua kali sebelum mengedposkan media sosial.

6.2 Cadangan

Cadangan yang boleh dilakukan untuk memartabatkan akhlak dalam kehidupan seharian masyarakat ialah sebenarnya harus disuntik lagi sejak kecil. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Ia bermaksud **ibu bapa harus memberikan pendidikan moral yang baik kepada anak-anak mereka sejak usia kecil**, sehingga mereka akan membesar menjadi tokoh yang cemerlang di dunia ini, terutama di masa depan. Apabila anak-anak mempunyai akhlak yang baik, mereka akan disayangi dan dihormati oleh masyarakat. Namun, jika nilai moral anak-anak bertentangan, maka masyarakat akan menghina dan menghina mereka. Rasulullah SAW pernah bersabda: "Akhlak yang buruk merosakkan tingkah laku, seperti cuka yang merosakkan madu." Oleh itu, jelas bahawa ibu bapa harus mendidik anak-anak mereka dalam agama dan menjadikan mereka individu yang hebat di dunia ini, terutama di masa depan.

Selain itu, pihak kerajaan juga boleh **mewajibkan generasi muda mengambil bengkel kursus umum etika pada waktu persekolahan**. 'Ethos' yang bermaksud 'Watak' ialah Etika yang berasal daripada perkataan Yunani. Definisi etika ialah piawaian yang betul dan salah berdasarkan kelakuan atau tingkah laku seseorang dalam menjalankan kewajiban manusia. Etika berkait dengan nilai-nilai moral yang menjadi pegangan seseorang individu dalam menentukan perbuatan masing-masing. Kehidupan yang beretika akan memastikan manusia melaksanakan kewajiban hidup yang memberi faedah dan nilai-nilai murni kepada diri sendiri dan juga masyarakat. Salah satu inisiatif dalam menyediakan pensyarah dengan maklumat dan bahan-bahan pengajaran berkaitan pelaksanaan pengajaran kursus Etika Dan Peradaban merupakan sebab mengapa bengkel seperti ini sangat penting. Melalui bengkel ini generasi muda yang bakal bergelar graduan akan menjadi sumber perubahan masyarakat yang menjadikan penghayatan akhlak yang bagus dan positif sebagai cara hidup yang dapat membina sebuah masyarakat yang beretika dan berperadaban dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Mereka juga dapat menjadi contoh kepada adik adik di bawah mereka untuk menjadi insan yang berakhlak sesama manusia dan alam sekitar.

Di samping itu, **rakan sebaya juga merupakan pengaruh yang penting dalam memartabatkan akhlak pada diri seseorang**. Rakan sebaya ialah tempat meluahkan masalah dan pengganti ibu bapa sewaktu di sekolah. Pengaruh rakan sebaya adalah sumber paling kuat

dalam membantu perkembangan diri pada peringkat awal remaja. Antara kaedah yang boleh dikawal untuk memantau generasi muda ialah mengetahui rakan rakan mereka, aktiviti yang mereka lalukan serta menapis rakan rakan mereka. Bergaul dengan rakan rakan yang mempunyai akhlak yang mulia sekaligus menyebabkan kita menyemai nilai akhlak itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, generasi muda ini mudah terpengaruh dengan persekitaran mereka Oleh itu, mereka haruslah didedahkan dengan perkara yang mulia termasuk dengan pemilihan rakan mereka.

Akhir sekali, **faktor persekitaran masyarakat** amat berkait rapat dengan pengaruh rakan sebaya namun perbezaannya ialah persekitaran masyarakat melibatkan semua manusia dalam dunia dan jiran tetangga. Struktur masyarakat yang sering berubah- ubah mengakibatkan generasi masa kini bercampur dengan masyarakat yang tidak berakhlak dan melakukan gejala yang tidak bermoral seperti menghisap rokok, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah dan sebagainya. Perkara tidak bermoral ini amatlah berbahaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia boleh mengakibatkan kesan yang teruk seperti pembuangan bayi dan banyak lagi. Seperti yang kita tahu, statistik kes yang menunjukkan peningkatan yang kes pembuangan bayi semakin meningkat dari tahun ke tahun. Oleh itu, sebagai masyarakat yang mengambil berat antara satu sama lain, kita hendaklah nasihat-menasihati agar gejala seperti ini dapat dikurangkan. Masyarakat juga boleh mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengeratkan hubungan serta mengelakkan berlakunya perbuatan yang sia sia.

RUJUKAN

1. NUFF, MID. "Pengertian Akhlak." *Nota Pelajar PISMP*, 28 Mei 2012, <http://notakuliahpismmp.blogspot.com/2012/05/pengertian-akhlak.html>.
2. "Akhlak." PressBooks, WLA 104/03 Pengajian Islam, <https://pengajianislam.pressbooks.com/chapter/akhlak/>.
3. Bernama. (2020, September 9). Free Malaysia Today (FMT). Free Malaysia Today (FMT). <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/09/09/kes-bunuh-pelajar-upnm-mahkamah-diberitahu-zulfarhan-dikelilingi-lebih-20-individu/>
4. Selongkar10. (2017). Tragis, Ini Kronologi Kes Pembunuhan Zulfarhan Pelajar UPNM Sepanjang Perbicaraan Mahkamah. Selongkar10. <https://selongkar10.blogspot.com/2019/08/tragis-kronologi-kes-pembunuhan.html>
5. Therese L. Baker, *Doing Social Research*, 3rd ed. (United States of America: Mc Graw Hill, 1999), 240
6. Sharan B. Merriam, *Qualitative Research in Practice: Example for Discussion and Analysis*. (United States: John Wiley & Sons, Inc. 2002), 13.
7. Jalil, A. (2018, May 14). Kombinasi penyebab punca kematian Zulfarhan. *Harian Metro*; New Straits Times. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/05/339567/kombinasi-penyebab-punca-kematian-zulfarhan>
8. <https://www.facebook.com/kisahduniadotcom>. (2020). Penangan Viral Tak Masuk Kelas Online, Ramai Pelajar Call Cikgu Minta Maaf - Kisah Dunia. *Kisah Dunia*; *Kisah Dunia*. <https://kisahdunia.com/penangan-viral-tak-masuk-kelas-online-ramai-pelajar-call-cikgu-minta-maaf/>
9. Suhaimi, K. (2019, July 9). *10 Negara Yang Paling Menghormati Guru*. *iluminasi*. <https://iluminasi.com/bm/10-negara-yang-paling-menghormati-guru.html>
10. Md Noor Saper. (2012). *Pembinaan modul bimbingan tazkiyah An-nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
11. Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2020). *Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*. Vol. 17. No.9 *Journal of Social Sciences and Humanities*.